

Kit Siang wajar letak jawatan

KUALA LUMPUR, Ahad — Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang, perlu meletak jawatan serta menggugurkan rancangan parti itu menawan Pulau Pinang melalui Projek Tanjung III selepas ia tewas dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Prai, semalam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, Encik Lim dijangka melakukan sekali lagi sandiwara letak jawatan, iaitu beliau akan meletak jawatan, diikuti rayuan pengikutnya supaya menarik balik perletakan jawatan itu dan Encik Lim kembali semula memegang jawatannya.

“Tidak ada masalah bagi dia untuk meletak jawatan. Ini pura-pura saja. Ini adalah hiburan bagi rakyat,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung MCA, di sini hari ini.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), berkata EN bangga dengan kemenangan calonnya bagi DUN Prai kerana ia menunjukkan rakyat memberi penuh kepercayaan kepada parti pemerintah.

Beliau berkata, biasanya parti pembangkang menang dalam pilihanraya kecil kerana ia (pilihanraya kecil) tidak boleh menukar kerajaan, tetapi kali ini pembangkang kalah kerana rakyat menolak pembohongan (cry wolf) mereka.

“Dalam jangkaan kita, kalau BN menang pun bilangan undi kita kecil. Undi maksimum yang kita fikirkan cuma 600, tetapi kita dapat lebih 800 undi. Ini menunjukkan kepercayaan kepada DAP sudah kurang.

“Oleh itu, eloklah Encik Lim Kit Siang menggugurkan rancangan ketiganya (Tanjung III). Encik Lim sendiri patut meletak jawatan kerana dia menyatakan bertanggungjawab secara moral,” katanya.

Perdana Menteri berkata, DAP juga gagal memainkan isu Akta Penzambilan Tanah 1960 yang didakwa tidak adil kerana rakyat membuktikan sokongan mereka kepada kerajaan BN.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir, menjelaskan Akta Pengambilan Tanah yang dipinda bagi membolehkan kerajaan mengambilalih tanah tanpa dicabar oleh mahkamah, bertujuan memberi peluang kepada rakyat, terutama golongan miskin memiliki tanah.